

13 AUG 1996

Johari-Teknologi

JAWATANKUASA KAJI NAIK TARAF ZON PERINDUSTRIAN BEBAS SAMA JAYA

KUCHING, 13 Ogos (Bernama) -- Jawatankuasa khas akan ditubuhkan untuk mengkaji cadangan menaikkan taraf zon perindustrian bebas Sama Jaya dekat sini, menjadi sebuah taman perindustrian berteknologi tinggi, yang kedua seumpamanya di negara ini.

Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak Datuk Abang Johari Tun Abang Haji Openg berkata, jawatankuasa berkenaan terdiri daripada Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Unit Perancangan Negeri dan Unit Perancangan Ekonomi pusat.

"Saya menjangka kita dapat meningkatkan kemudahan yang ada di Sama Jaya dalam masa dua tahun kerana kini sudah ada industri mengeluarkan bahan berteknologi tinggi di situ," katanya kepada pemberita selepas majlis perletakan batu asas Sekolah Menengah Kerajaan Simunjan No 2 di Simunjan kira-kira 200 km dari sini.

Johari berkata cadangan untuk menaikkan taraf taman perindustrian itu dicetuskan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melawat Sarawak baru-baru ini.

Dalam lawatan itu Dr Mahathir juga telah merasmikan sebuah kilang mengeluarkan cakera penyimpanan data, Komag USA (M) Sdn. Bhd. di kawasan berkenaan. Satu lagi syarikat yang berkaitan dengan industri teknologi tinggi beroperasi di situ ialah Zycon Corporation Sdn. Bhd. pengeluar papan litar bercetak.

Beliau berkata, jawatankuasa itu akan berbincang secepat mungkin supaya keputusan mengenai cadangan itu dapat dibuat dalam jangka masa terdekat.

Katanya, jika dilaksanakan taman perindustrian berteknologi tinggi seluas 1,000 hektar itu akan menjadi yang terbesar di negara ini berbanding dengan taman perindustrian berteknologi tinggi di Kulim, Kedah.

Terdahulu dalam ucapannya, Abang Johari menyeru rakyat agar mengekalkan kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya negeri yang akan datang untuk memastikan kesinambungan pembangunan yang dilaksanakan.

Beliau juga menyeru pelajar agar memberi penumpuan yang lebih terhadap mata pelajaran sains dan matematik untuk mengisi kekurangan tenaga kerja yang berpengetahuan dalam bidang itu. -- BERNAMA

RDY NMO